# MEMO

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM**

Rujukan Kami : PDSB/KP/01/0057 ( 16 )　　　　Tarikh : 5 September 2018

| | | |
|---|---|---|
| **Tajuk** | **ARAHAN MENGETIK KAD PERAKAM WAKTU BAGI TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA** | |
| **Daripada** | Pegawai Daerah Sabak Bernam | Salinan :<br>Fail timbul<br>KPPD (Tanah)<br>KPPD (KP)<br>KPPD (PLB)<br>PT (Kew) (KP) 4 |
| **Kepada** | Semua Pegawai dan Kakitangan | |

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut seperti diatas.

2. Untuk makluman tuan/puan, hasil perbincangan Mesyuarat Pengurusan Pejabat Bil.2 Tahun 2018 bertarikh 17 Ogos 2018 dan semakan Unit Kewangan Bahagian Khidmat Pengurusan mendapati masih terdapat pegawai dan kakitangan yang menulis tangan di kad perakam waktu masing-masing apabila mengemukakan permohonan tuntutan elaun lebih masa, perkara ini adalah bertentangan dengan Garis Panduan PDTSB Bil.4/2018 bagi Tuntutan Elaun Lebih Masa yang dijelaskan di para 7.

3. Sehubungan itu, Pentadbiran ini menguatkuasakan kepada semua pegawai dan kakitangan **WAJIB MENGETIK KAD PERAKAM WAKTU** setiap kali melakukan tuntutan elaun lebih masa. Kegagalan tuan/puan berbuat demikian akan menyebabkan elaun lebih masa tidak akan diproses untuk bayaran.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubungan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(NASIR BIN MAMAT)** *S.I.S, K.M.W, A.M.N*
Pegawai Daerah Sabak Bernam